

11 Sep 1982

# Dr. M jalin hubungan lebih erat dengan Thai

Oleh AZIZ HASSAN

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Bangkok untuk kali kedua sebagai Perdana Menteri bukan saja berjaya mempereratkan hubungan antara kedua-dua negara tetapi juga memberi peluang kepada kerajaan menegaskan sekali lagi pendiriannya terhadap beberapa isu semasa yang penting.

Selain itu, Perdana Menteri juga berpeluang melihat sendiri perkembangan-perkembangan yang dicapai oleh negeri Thai dalam bidang pertanian dan kejuruteraan.

Dalam perbincangan dengan Perdana Menteri Thai, Datuk Seri Dr. Mahathir menyentuh isu-isu Kampuchea dan sempadan bersama Malaysia-Thailand dan apa yang Perdana Menteri kita tegaskan berkaitan isu sempadan bersama kepada para wartawan di sidang akhbar begitu terang sekali.

Walaupun beliau tidak menyebut mana-mana kumpulan, para wartawan serta pegawai-pegawai yang menghadiri sidang akhbar itu tahu bahawa Perdana Menteri menyentuh berkenaan PULO.

Penjelasan Perdana Menteri berhubung dasar kerajaan tidak mahu membantu mana-mana golongan penentang di luar Malaysia, lebih-lebih lagi memberi bantuan ketenteraan, kepada tempat dan waktunya kerana beberapa pihak dalam negeri Thai, termasuk wartawan-wartawan, ada berkata bahawa negeri Thai mengsyaki Malaysia memang memberi bantuan kepada PULO.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa dasar kerajaan kita begitu nyata dan ini telah disampaikan kepada Jeneral Prem Tinsulanonda sendiri. Tetapi Perdana Menteri mengakui kemungkinan terdapat beberapa orang atau golongan yang berbeza pula pendapat dengan Kerajaan.